# Majlis Berbuka Puasa Geologi 2010

Pada 20 Ogos 2010, Program Geologi telah mengadakan majlis berbuka puasa bertempat di Dewan Bankuasi, UMS. Majlis ini telah dihadiri oleh para pelajar Geologi tahun 1, 2 dan 3, pelajar-pelajar Sarjana Geologi, penolong pegawai sains, En. Jalaludin Majalip dan turut disertai para pensyarah iaitu Prof. Madya Dr. Baba Musta dan Cik Hennie Fitria W. Soehady E. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan (HEP & Alumni) SST iaitu Prof. Madya Dr. Kawi Bidin. Majlis berbuka puasa ini turut diisi dengan Solat Maghrib, Isyak dan Tarawih secara berjemaah dan ceramah moral bagi pelajar yang bukan Muslim. Majlis seperti ini dijadikan sebagai medium untuk memperkukuh dan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan persaudaraan antara ahli keluarga Program Geologi SST dan pentadbir SST.



Antara pelajar tahun 3 yang hadir di majlis berbuka puasa Geologi 2010




Prof. Madya Dr. Kawi Bidin memberikan ucapan sekaligus merasmikan majlis berbuka puasa program Geologi 2010

**Artikel oleh: Hennie Fitria W. Soehady E**